

18/07/1999

Pembangkang guna sentimen perkauman

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas pihak tertentu yang cuba memainkan sentimen perkauman dalam memperjuangkan isu pembubaran Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (KWBIS).

Menurut Perdana Menteri, parti pembangkang mempunyai sebab politik untuk memperjuangkan isu dan mereka tidak mempedulikan nasib kaum India yang menerima faedah dana berkenaan.

"Kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya kepada masyarakat India dan kita akan memberi layanan kepada beberapa orang yang masih mendapat faedah daripada dana ini.

"Golongan berkenaan mencari isu kerana mahu menghentam MIC. Sebarang masalah, beritahu kita, kita boleh selesaikan. Jangan jadikan perkara ini sebagai sentimen (perkauman)," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-46 di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; pemimpin parti komponen BN lain dan pemimpin kanan MCA.

Isu dana India Selatan timbul awal minggu ini apabila Dewan Rakyat membahaskan pemansuhan Rang Undang-undang KWBIS (Pembubaran) 1999. Tabung berkenaan diwujudkan sejak 1908 dan ketika itu dikenali sebagai Dana Tamil tetapi pada 1958 ia dibuka kepada semua orang dari India Selatan.

Ketika ini, kumpulan wang berkenaan memiliki RM2.39 juta dan kira-kira 20 hektar tanah serta ladang di Nibong Tebal.

Dr Mahathir berkata, dana berkenaan tidak lagi sesuai dilaksanakan di negara ini kerana ia hanya terhad kepada kaum India Selatan, sedangkan Malaysia sudah lama merdeka.

"Dana ini ditubuhkan oleh (Kerajaan) British apabila mereka membawa buruh dari India untuk bekerja di sini dan ramai daripada mereka mati kerana pelbagai penyakit di sini. Pada masa itu, memang tabung ini penting.

"Tetapi sekarang ini, nasib rakyat keturunan India sudah diberi layanan terbaik oleh kerajaan. Apakah kita nak kekalkan sesuatu yang diwujudkan oleh kuasa kolonial," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beberapa akhbar berbahasa Tamil turut memainkan sentimen perkauman berhubung isu tabung berkenaan, untuk tujuan politik dan ini memburukkan keadaan.

"Ia sudah menjadi isu politik. Ia tidak lagi kena mengena dengan faedah tabung itu, tetapi lebih berupa luahan emosi dan ia dimainkan oleh akhbar berkenaan, seperti apa yang dibuat oleh akhbar berbahasa Cina sebelum ini," katanya.

(END)